

**SKOP PENYELIDIKAN DAN SYARAT PERMOHONAN
GERAN PENYELIDIKAN
LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA
(GP LPPKN)
TAHUN 2021**

BAHAGIAN 1: BIDANG DAN SKOP PENYELIDIKAN

1.1 Tujuan

Tujuan GP LPPKN adalah:-

- i. Menggalakkan penerokaan idea/ teori/ konsep/ proses baru seterusnya menjadi pemangkin kepada perkembangan ilmu, penciptaan dan penemuan baru yang inovatif dan terkini.
- ii. Meningkatkan kapasiti dan kemahiran penyelidik LPPKN dalam rangka persediaan LPPKN sebagai pusat kecemerlangan penyelidikan dalam bidang kependudukan, kekeluargaan dan kesihatan reproduktif yang tersohor di peringkat nasional dan antarabangsa.
- iii. Memperkasakan bidang-bidang penyelidikan di LPPKN yang memberi impak kepada keluarga, masyarakat dan negara.
- iv. Meningkatkan penerbitan saintifik berkaitan penyelidikan kependudukan, kekeluargaan dan kesihatan reproduktif.
- v. Menggalakkan jaringan kerjasama penyelidikan dengan pakar-pakar dari Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan agensi penyelidikan lain.

1.2 Bidang Penyelidikan

Bidang-bidang penyelidikan di bawah GP LPPKN adalah:

- 1.2.1 **Bidang kependudukan** yang merujuk kepada kajian saintifik terhadap populasi manusia antaranya Fertiliti, Mortaliti, Penuaan dan Migrasi.

1.2.2 **Bidang kekeluargaan** yang merujuk kepada pelaksanaan kajian dalam aspek keluarga antaranya Kesejahteraan Keluarga, Perkahwinan dan Penceraian, Kemahiran Keibubapaan, Struktur dan Komposisi Keluarga, serta Cabaran Keluarga Semasa.

1.2.3 **Bidang kesihatan reproduktif** yang merujuk kepada penyelidikan yang merangkumi bidang Klinikal, Biomedikal dan Psikoseksual.

1.3 Skop Penyelidikan

1.3.1 Kependudukan

1. Kependudukan dan Pembangunan
2. Taburan Penduduk dan Pembangunan Lestari
3. Pertumbuhan dan Struktur Penduduk
4. Fertiliti, Mortaliti dan Kadar Pertumbuhan Penduduk
5. Kesihatan, Morbiditi, dan Mortaliti
6. Demografi Gunaan
7. Demografi Keluarga
8. Penduduk dan Alam Sekitar
9. Migrasi dan Urbanisasi
10. Penuaan
11. Kualiti Hidup

1.3.2 Kekeluargaan

1. Kesejahteraan Keluarga
 - a. Fungsi Keluarga
 - b. Hubungan Keluarga
 - c. Sokongan Sosio-Ekonomi
 - d. Resilien
 - e. Keseimbangan Kehidupan-Kerja
 - f. Pengurusan Kewangan
2. Perkahwinan dan Penceraian
 - a. Kestabilan Perkahwinan
 - b. Kualiti Perkahwinan
 - c. Psikologi
 - d. Kewangan
 - e. Perkembangan Anak
3. Kemahiran Keibubapaan
 - a. Cara gaya ibu bapa

- b. Keibubapaan Digital
 - c. Keibubapaan Norma Baharu
- 4. Kepelbagaian Struktur dan Komposisi Keluarga
- 5. Cabaran Keluarga Semasa
 - a. Impak Covid-19
 - b. Intergenerasi
 - c. Gejala Sosial Remaja
 - d. *Gender Based-Violence*
 - e. Nilai-nilai Murni
- 6. Pembangunan Keluarga
- 7. Program Intervensi Kekeluargaan
- 8. Kesihatan Mental

1.3.3 Kesihatan Reproduktif

- 1. Perancang Keluarga
- 2. Amalan Kesihatan
- 3. Subfertiliti
- 4. Kesihatan Seksual
- 5. Biomedikal/Klinikal
- 6. Saringan Kanser

BAHAGIAN 2: SYARAT PERMOHONAN

2.1. Tempoh Penyelidikan

Tempoh penyelidikan yang dicadangkan adalah dari **6 hingga 24 bulan sahaja** mengikut keperluan penyelidikan tertakluk kepada kesesuaian dari segi tajuk dan metodologi penyelidikan yang akan dijalankan. Walau bagaimanapun, kelulusan untuk melanjutkan tempoh penyelidikan adalah tertakluk kepada pertimbangan jawatankuasa yang berkaitan di LPPKN.

2.2. Syarat-syarat Permohonan

Permohonan geran ini adalah terbuka kepada kakitangan akademik di Universiti Awam dan Universiti Swasta dan agensi penyelidikan kerajaan dengan syarat-syarat berikut:

- i. Ketua Penyelidik hendaklah Warganegara Malaysia;
- ii. Ketua Penyelidik adalah kakitangan akademik tetap (Profesor atau Profesor Madya);
- iii. Bagi Ketua Penyelidik yang bukan warganegara, dimestikan mempunyai penyelidik bersama yang bertaraf warganegara Malaysia kakitangan akademik yang bertaraf tetap;
- iv. Bagi Ketua Penyelidik yang bertaraf kontrak, dimestikan mempunyai penyelidik bersama kakitangan akademik yang bertaraf tetap;
- v. Setiap projek penyelidikan yang dipohon diharap dapat melahirkan Modal Insan dalam penyelidikan. Sehubungan dengan itu, sekurang-kurangnya seorang penyelidik hendaklah terdiri daripada pegawai LPPKN.
- vi. Ketua Penyelidik hanya boleh mengetuai satu (1) projek penyelidikan dalam masa yang sama. Ketua Penyelidik perlulah menghantar Laporan Akhir Penyelidikan kepada LPPKN sebelum membuat permohonan penyelidikan yang baru.

- vii. Sekiranya pemohon mendapat lebih dari satu (1) geran, maka penyelidik berkenaan hanya dibenarkan menjadi ahli sahaja dalam penyelidikan berkenaan.
- viii. Jumlah peruntukan yang dipohon hendaklah tidak melebihi siling yang telah ditetapkan.

2.3. Peraturan Permohonan

- i. Pemohon perlu mengemukakan kertas cadangan penyelidikan yang menepati bidang penyelidikan, dan syarat permohonan serta peraturan kewangan yang dinyatakan LPPKN.
- ii. Semua permohonan hendaklah dinilai oleh universiti/agensi penyelidikan dan disokong oleh pihak yang bertanggungjawab di universiti/agensi penyelidikan masing-masing untuk pertimbangan LPPKN. Laporan penilaian hendaklah dikemukakan kepada pihak urus setia GP LPPKN bersama-sama borang permohonan tersebut. Hanya permohonan yang disokong oleh universiti/agensi penyelidikan yang perlu dihantar ke LPPKN.
- iii. Bagi projek penyelidikan yang turut dibiayai oleh sumber lain, penyelidik mestilah mengisytiharkan semua pembiayaan yang diperolehi bagi projek tersebut.
- iv. Semua permohonan GP LPPKN perlu dilakukan secara pembentangan kepada Jawatankuasa Pemandu Geran Penyelidikan.
- v. Bagi projek penyelidikan yang melibatkan manusia dan haiwan, projek tersebut perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Etika universiti masing-masing.

2.4. Kriteria Penilaian

Pemilihan projek penyelidikan akan dinilai berdasarkan kepada kriteria berikut:

- i. Penyelidikan yang dipohon mestilah merupakan penyelidikan yang dapat menghasilkan idea/ teori/ konsep/ kaedah/ model/ modul baharu; dan

- ii. Penyelidikan yang dapat menghasilkan sesuatu penemuan baru yang berupaya membangunkan atau meningkatkan kualiti perkhidmatan LPPKN kepada institusi keluarga di negara ini; dan
- iii. Hasil penyelidikan berupaya menambah baik dasar sedia ada supaya sentiasa relevan dengan tren dan perkembangan isu kependudukan dan kekeluargaan semasa; atau
- iv. Penyelidikan yang merangkumi isu-isu kemanusiaan dan kemasyarakatan bagi tujuan peningkatan nilai kehidupan institusi keluarga di negara ini; dan
- vi. Penyelidikan mempunyai elemen kolaborasi bersama penyelidik LPPKN untuk tujuan pertukaran pengetahuan (*knowledge transfer*) dalam mana-mana aspek berkaitan penyelidikan.